

Kesefahaman agama kunci pertahankan kedaulatan negara

NST 15.9.2017 8

KOTA KINABALU: Kesefahaman agama adalah kunci dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian Malaysia dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kesedaran tentang kesefahaman agama antara masyarakat pelbagai kaum adalah kerana perpaduan dan kerukunan yang terbentuk dari kesefahaman agama.

“Dalam pengajaran dan tuntutan agama, manusia terdiri dalam pelbagai agama, budaya dan etnik, maka kepelbagaian inilah yang menjadi citarasa yang bermacam-macam khususnya dalam masyarakat majmuk di Malaysia hari ini,” katanya.

Jamil turut menjelaskan bahawa perpaduan yang terbentuk di Malaysia adalah bertitik tolakkan kepada perlembagaan negara.

“Fitrah manusia diciptakan lelaki dan wanita, pelbagai agama dan bangsa, dan disebalik kepelbagaian inilah wujudnya tonggak kejayaan apabila kita mampu menghidupkan persaudaraan alamiah, bukannya saling memperkecilkan hak orang lain,” jelasnya.

Beliau berucap dalam perasmian Dialog Anfara Penganut Agama dengan tajuk ‘Muhibah Teras Perpaduan Nasional: Toleransi Beragama Dalam Kepelbagaian Masyarakat Tonggak Keharmonian Negara’ di Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, kelmarin.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin menjelaskan bahawa universiti merupakan contoh terbaik bagi masyarakat mempelajari dan menghargai nilai warna-warni kepelbagaian etnik dan agama yang dapat tinggal dan berkongsi ilmu pengetahuan.

“UMS melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) sejak awal penubuhan telah mengorak langkah dalam memastikan nilai perpaduan dipupuk dalam kalangan pelajar UMS sekaligus menawarkan kursus-kursus dalam disiplin ilmu yang pelbagai meliputi persoalan pertembungan agama dan pergolakan politik semasa,” katanya.

Dialog dikendalikan oleh moderator pensyarah Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Muhammad Hasbi Abdul Rahman.- **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**